

19/05/2001

TBP: 13,019 guru dinaikkan pangkat

Syuhada Choo Abdullah

SERAMAI 13,019 guru di seluruh negara sudah menikmati kenaikan pangkat menerusi sistem tempoh perkhidmatan semenjak mula dilaksanakan pada 1998.

Sistem Kenaikan Pangkat Mengikut Tempoh Perkhidmatan (TBP) diluluskan Kabinet pada 16 Julai 1997, bertujuan memberi peluang kepada guru yang sudah mencapai tahap gaji maksimum mengikut gred masing-masing, menikmati kenaikan gaji berterusan sehingga tamat tempoh perkhidmatan.

Menurut sistem berkenaan, guru dinaikkan pangkat ke gred lebih tinggi secara khas.

Ini bermakna pegawai perkhidmatan pendidikan (PPP) siswazah yang berada pada tangga gaji maksimum Gred DG3, iaitu RM3,494.70, akan naik ke Gred DG2 bermula dengan RM3,383.60 sehingga RM4,347.20 bagi P1.

Sementara itu, PPP bukan siswazah yang berada pada Gred DGA6 dengan gaji maksimum RM2,123 pula dinaikkan ke Gred DGA5 yang bermula pada kadar RM1,743.50 sehingga RM2,387 bagi P1.

Melalui sistem TBP, guru yang naik pangkat itu kekal di sekolah dan meneruskan tugas seperti biasa.

Sebelum ini peluang kenaikan pangkat hanya terbuka apabila wujud kekosongan jawatan pada peringkat pentadbiran di sekolah, pejabat pendidikan daerah, jabatan pendidikan negeri mahupun Kementerian Pendidikan.

Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, berkata TBP adalah antara sistem kenaikan pangkat yang berjaya membuka laluan menegak kepada lebih ramai PPP siswazah serta guru lepasan diploma, selain melalui konsep Guru Cemerlang dan Pengetua Cemerlang.

Beliau berkata, kerajaan, khususnya Kementerian Pendidikan, amat prihatin dan peka terhadap kepentingan usaha berterusan untuk memartabatkan profesion keguruan tanah air.

Sehubungan itu, katanya, pelbagai kemudahan dan insentif diusaha serta disediakan dari semasa ke semasa untuk menjadikan kerjaya keguruan lebih menarik di samping mendapat pengiktirafan yang wajar.

Malah dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Ke-3 (RRJP-3), katanya, kerajaan memberi komitmen terhadap usaha membuka peluang lebih luas bagi menyediakan pakej gaji dan kenaikan pangkat.

Selain itu syarat perkhidmatan juga lebih baik, terutama kepada kumpulan tenaga pengajar dalam bidang kritikal seperti sains, matematik dan bahasa Inggeris.

Di samping itu, menurutnya, kerajaan juga sentiasa menggalakkan guru memperbaiki diri dengan menyediakan pelbagai peluang mengikuti latihan dalam perkhidmatan, sama ada melalui kursus jangka pendek atau panjang.

"Bagi tahun ini, seramai 150,000 guru dijangka dapat mengikuti kursus jangka pendek dalam pelbagai bidang, termasuk yang berkaitan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

"Secara keseluruhan, hampir RM148 juta diperuntukkan pada tahun ini bagi membiayai pelbagai program latihan jangka pendek serta panjang, termasuk menghantar guru mengikuti pengajian ijazah lanjutan peringkat kedoktoran di luar negara dalam bidang kritikal seperti sains, teknikal dan bahasa Inggeris," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di majlis pelancaran Perayaan Hari Guru Peringkat Kebangsaan 2001 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Dewan Seri Negeri, Melaka, Rabu lalu.

Sementara itu, sejajar matlamat menyediakan pendidikan berkualiti di

sekolah menengah sekali gus menaikkan martabat tenaga pengajar peringkat berkenaan, Musa berkata, kementerian sedang mempertingkatkan usaha mencapai sasaran 100 peratus guru siswazah di sekolah menengah menjelang tahun 2005.

Menurutnya, galakan dan insentif lebih menarik akan diperkenalkan kepada PPP bukan siswazah yang berminat untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah pertama.

Antara kemudahan akan disediakan ialah memberi pembiayaan yuran pengajian dan cuti belajar bergaji penuh kepada mereka yang bakal mengikuti bidang pengajian masih mengalami masalah kekurangan guru di sekolah, khususnya sains, teknikal dan bahasa Inggeris.

Katanya, dianggarkan seramai 81,500 guru bukan siswazah lepasan diploma dapat `disiswazahkan' melalui pelbagai saluran yang ada, termasuk Program Khas Pensiswazahan Guru (PKPG) dan melalui Unit Pusat Universiti (UPU), menjelang tahun 2010.

"Menjelang tahun 2010, kita menjangka hasrat untuk menempatkan semua guru siswazah terlatih di tahap dua sekolah rendah, terutama bagi mata pelajaran kritikal, akan dapat dicapai menerusi usaha yang sedang dilakukan ini.

"Inilah komitmen kerajaan dan matlamat Kementerian Pendidikan untuk menjadikan kerjaya keguruan lebih menarik dan dihormati melalui usaha membina kewibawaan guru mengikut bidang kepakaran dari segi kelayakan akademik serta ikhtisas masing-masing," katanya.

(END)